

**Pg. P.U. 14**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL BAYARAN LESEN  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI 1980

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Seberang Perai pada mesyuarat Majlis yang telah bersidang pada 7hb Ogos, 1980, telah meluluskan Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980 (kemudian daripada ini disebut sebagai “Undang-Undang Kecil”);

Akta 171.

Oleh itu maka sekarang ini, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan Undang-Undang Kecil ini seperti berikut:

1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980** dan hendaklah dipakai untuk semua kawasan di dalam Seberang Perai dan hendaklah dianggap berjalan kuatkuasanya pada 1hb Julai, 1981.
2. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain-

Tajuk.

Takrif.

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Seberang Perai;

Pindaan  
Kepada Pg.  
PU 14/81

“Pegawai Kesihatan” ertinya Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Majlis Perbandaran Seberang Perai atau mana-mana pegawai yang menjalankan tugas;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Seberang Perai;

“Bandar” ertinya—

- (1) Bandar Butterworth sebagaimana yang ditaksirkan di dalam Jadual Kedua (Bahagian II) P. PG. P.U. 22 bertarikh 30hb Mac, 1961;
- (2) Bandar Bukit Mertajam sebagaimana yang ditaksirkan di dalam Jadual Kedua (Bahagian II) P. PG. P.U. 22 bertarikh 30hb Mac, 1961;

“Lingkungan Perkampungan” ertinya—

- (1) Lingkungan Perkampungan Butterworth—Perkampungan yang diwartakan sebagaimana yang terdapat di dalam Jadual Kedua (Bahagian II) P. PG. P.U. 21 bertarikh 30hb Mac, 1961;

- (2) Lingkungan Perkampungan Bukit Mertajam—Perkampungan yang diwartakan sebagaimana yang terdapat di dalam Jadual Kedua (Bahagian II) P. PG. P.U. 22 bertarikh 30hb Mac, 1961;
- (3) Lingkungan Perkampungan Nibong Tebal—Perkampungan yang diwartakan sebagaimana yang terdapat di dalam Jadual Kedua (Bahagian II) P. PG. G.N. 33/54 seperti yang dipindahkan melalui P. PG. P.U. 47 bertarikh 30hb Mac, 1961;

“Luar Lingkungan Perkampungan” termasuk lain-lain kawasan dalam Seberang Perai yang tidak dihuraikan di bawah Pemberitahu *Warta* Lingkungan Bandar atau Perkampungan sebagaimana yang tersebut di atas.

Kelulusan  
lesen.

3. Yang Dipertua boleh bagi pihak Majlis meluluskan lesen-lesen dengan syarat-syarat yang tertentu mengikut keadaan yang memerlukan demi menjaga kepentingan orang ramai selepas Pegawai Kesihatan mengesahkan bahawa pemohon telah menunaikan segala kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil ini.

4. Adalah menjadi satu kesalahan bagi sesiapa pun menjalankan mana-mana perniagaan yang terdapat di dalam Jadual bersama-sama ini tanpa lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua.

5.(a) Lesen untuk perniagaan yang terdapat di dalam Jadual bersama-sama ini boleh dikeluarkan dengan membayar pembayaran yang ditentukan.

(b) Sesiapa yang menjalankan perniagaan yang kena dilesenkan untuk tempoh kurang daripada enam bulan hendaklah membayar sebahagian daripada bayaran lesen yang ditentukan.

Kuasa Majlis

6. Majlis boleh menurut budibicaranya mengecualikan atau mengurangkan bayaran lesen mana-mana perniagaan yang terdapat di dalam Jadual bersama-sama ini.

7. Tiap-tiap lesen akan dianggap berjalan selama setahun bermula dari 1hb Januari dan akan tamat pada 31hb Disember tiap-tiap tahun kecuali dibatalkan oleh Yang Dipertua.

8. Mana-mana pemegang lesen, kongsi, pekerja atau pekerja-pekerjanya atau mana-mana penghuni premis yang berlesen atau tidak berlesen yang melanggar mana-mana Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat di bawahnya akan dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali iaitu denda dan penjara dan untuk sesuatu kesalahan yang berterusan sejumlah wang yang tidak lebih daripada dua ratus ringgit tiap-tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

9. Undang-Undang Kecil yang berikut adalah dengan ini dimansuhkan-

- (1) Undang-Undang Kecil 17 dalam Undang-Undang Kecil Kawalan Iklan Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1975;

- (2) Undang-Undang Kecil 14 dalam Undang-Undang Kecil Kedai Makanan dan Kedai Kopi, Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1974;
- (3) Jadual “A” dalam Undang-Undang Kecil Perniagaan Yang Merbahaya, Tidak Sihat atau Yang Mengganggu dan Setal-setal, Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1974;
- (4) Undang-Undang Kecil 3 dalam Undang-Undang Kecil Tempat Memelihara Babi, Majlis Daerah Selatan, Seberang Perai, 1971;
- (5) Undang-Undang Kecil 3 dalam Undang-Undang Kecil Tempat Memelihara Babi, Majlis Daerah Tengah, Seberang Perai, 1965;
- (6) Undang-Undang Kecil 3 dalam Rural District Council North, Province Wellesley, Piggeries By-laws, 1956;
- (7) Undang-Undang Kecil 4 dalam Rural District Council North, Province Wellesley, Slaughter House By-laws, 1956;
- (8) Undang-Undang Kecil 4 dalam Bukit Mertajam Town Council Slaughter House By-laws, 1956;
- (9) Undang-Undang Kecil 4 dalam Rural District Council Central, Province Wellesley, Slaughter House By-laws, 1956;
- (10) Undang-Undang Kecil 4 dalam Rural District Council South, Province Wellesley Slaughter House By-laws, 1957;
- (11) Undang-Undang Kecil 17 dalam Butterworth Town Council Markets By-laws, 1957;
- (12) Undang-Undang Kecil 20 dalam Undang-Undang Kecil Pasar, Majlis Daerah Tengah, Seberang Perai, 1967;
- (13) Undang-Undang Kecil 7 dalam Province Wellesley Rural Board Markets By-laws, 1956;
- (14) Undang-Undang Kecil 3(d) dalam Butterworth Town Council Laundries By-laws, 1957;
- (15) Undang-Undang Kecil 3(a) dalam Province Wellesley Rural Board Laundries By-laws, 1956;
- (16) Undang-Undang Kecil 2(c) dalam Province Wellesley Rural Board Bakeries and Cookshops By-laws, 1956;
- (17) Undang-Undang Kecil 3(c) dalam Bukit Mertajam Town Council Bakeries and Cookshops By-laws, 1955;
- (18) Undang-Undang Kecil 3(c) dalam Rural District Council Central, Province Wellesley, Bakeries and Cookshops By-laws, 1955;
- (19) Undang-Undang Kecil 2(vi) dalam Province Wellesley Rural Board Boarding House By-laws, 1956;
- (20) Undang-Undang Kecil 3(vi) dalam Bukit Mertajam Town Council Boarding House By-laws, 1956;
- (21) Undang-Undang Kecil 3 dalam Bukit Mertajam Town Council Common Lodging House By-laws, 1956;
- (22) Undang-Undang Kecil 1 dalam Rural Board Province Wellesley Common Lodging House By-laws, 1915;
- (23) Undang-Undang Kecil 4(ii) dalam Province Wellesley Rural Board Places of Public Amusement By-laws, 1956;
- (24) Undang-Undang Kecil 4 dalam Bukit Mertajam Town Council Fresh Food By-laws, 1956;
- (25) Undang-Undang Kecil 4 dalam Province Wellesley Rural Board Fresh Food By-laws, 1941;
- (26) Undang-Undang Kecil 5 dalam Province Wellesley Rural Board Duck Farms By-laws, 1947;

Bertarikh : 10hb Mac, 1981.  
[ MPSP / 10 /1-65/37; PSUK /PP/16881/Bah.26.]

WONG HIN FATT  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*  
*Pulau Pinang*

			Membuat	Pemborong/ Jualan / Perkhidmatan	Menyimpan
			(a)	(b)	(c)
			\$	\$	\$
<b>PERINDUSTRIAN</b>					
<b>(A)</b>	<b>HASIL PERTANIAN</b>				
1.	<b>Makanan binatang</b>				
	(i)	kurang daripada 1,000 k.p.	130		80
	(ii)	1,001 – 2,000 k.p.	210		130
	(iii)	lebih daripada 2,000 k.p.	400		250
	(iv)	kurang daripada 750 k.p.		140	
	(v)	lebih daripada 750 k.p.		280	
2.	<b>Koko</b>				
	(i)	kurang daripada 1,000 k.p.	100		80
	(ii)	1,001 – 2,000 k.p.	150		130
	(iii)	lebih daripada 2,000 k.p.	300		250
	(iv)	kurang daripada 750 k.p.		140	
	(v)	lebih daripada 750 k.p.		280	
3.	<b>Kopra</b>				
	(i)	kurang daripada 1,000 k.p.	100		80
	(ii)	1,001 – 2,000 k.p.	150		130
	(iii)	lebih daripada 2,000 k.p.	300		250
	(iv)	kurang daripada 750 k.p.		140	
	(v)	lebih daripada 750 k.p.		280	
	(vi)	luar lingkungan perkampungan	50	50	50
4.	<b>Tepung</b>				
	(i)	kurang daripada 1,000 k.p.	100		80
	(ii)	1,001 – 2,000 k.p.	150		130
	(iii)	lebih daripada 2,000 k.p.	300		250
	(iv)	kurang daripada 750 k.p.		140	
	(v)	lebih daripada 750 k.p.		280	
5.	<b>Sayur</b>				
		(lebih daripada 10,000 k.p.)	10	10	
6.	<b>Bawang, cili, bawang putih dan ubi kentang</b>				
	(i)	kurang daripada 750 k.p.		140	80
	(ii)	lebih daripada 750 k.p.		280	130
7.	<b>Minyak kelapa sawit</b>				
	(i)	kurang daripada 1,000 k.p.	130		80
	(ii)	1,001 – 2,000 k.p.	210		130
	(iii)	2,001-3,000 k.p.	400		250
	(iv)	Tiap-tiap tambahan 1,000 k.p. atau sebahagian	100		50
	(v)	kurang daripada 750 k.p.		140	

